

Kenang, rai keagungan kelahiran Nabi Muhammad

Oleh: Muhammad Aiman Mohd Suhaimi

November 28, 2020 @ 3:00 pm



Majlis Sambutan Maulidul Rasul Di Pondok Al-Hidayah Seri Kenanga

KUALA KRAI – sempena sambutan kelahiran insan teragung Nabi Muhammad SAW, Pondok Al-Hidayah Seri Kenanga bertempat di Jalan Bukit Batuk Kg Sungai Tias, Sungai Sam, Kuala Krai telah mengadakan majlis Maulidul Rasul pada tarikh 7 November 2020 bersamaan 21 Rabiul Awal yang lalu.

Mudir Pondok Al-Hidayah Seri Kenanga, Muhammad Hilmi Bin Zakaria, 31, berkata disebabkan erti besar kepada umat Islam, ia patut dihayati dan dimuliakan menerusi penganjuran majlis sambutan Maulidur Rasul.

Beliau berkata, jasad Rasulullah SAW ketika dilahirkan sangat luar biasa berbanding bayi lain, iaitu bawah kelopak matanya hitam bercelak, manakala tubuhnya berminyak dan sudah dikhatankan.

Bulan kelahiran Rasulullah SAW, beliau berkata, wajar diraikan dengan mengadakan majlis sambutan sempena memperingati kelahiran agung itu, selain mengadakan perarakan untuk menzahirkan kegembiraan dan rasa syukur terhadap nikmat pengutusan Rasul akhir zaman.

Justeru, memperingati kelahiran Nabi Muhammad SAW amat wajar memandangkan pengutusan Baginda membawa pedoman, petunjuk dan rahmat kepada manusia, sekali gus nikmat tidak ternilai dan tiada tolok bandingnya.

Beliau berkata, ia sangat efektif dalam menyuntik dan menyubur rasa rindu, cinta dan kasih kepada Rasulullah SAW dalam kalangan generasi muda.

“Kita hendaklah meletakkan kecintaan kepada Nabi SAW melebihi cinta terhadap diri sendiri,” katanya.

Anas ibnu Malik meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: Tidak sempurna iman seseorang daripada kamu hingga aku menjadi terlebih dikasihinya berbanding anak-anak, kedua-dua ibu bapa dan manusia lainnya. (HR Bukhari)

Muhammad Hilmi menjelaskan kita digalakkan melakukan perarakan Maulidur Rasul dan majlis ilmu seperti ceramah serta forum untuk menceritakan akidah, akhlak dan keperibadian Rasulullah SAW kepada masyarakat.